



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI JOHOR**

Tingkat 8 & 11, Lot 20485
Menara Tabung Haji
Jalan Ayer Molek
80720 Johor Bahru
JOHOR DARUL TA'ZIM

Telefon : 07-2249244/2239318
Faks : 07-2239322
Portal Rasmi : www.anm.gov.my

Ruj.Kami : JANM.JHR.600-1/8/1 Jld. ()

Tarikh : **31** Disember 2024

29 Jamadilakhir 1446H

**Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Jabatan Persekutuan Negeri Johor**

YBhg. Dato/Datin/Tuan/Puan,

**PENYERAHAN SIJIL PERAKUAN PANJAR WANG RUNCIT (PWR) BAGI
PENUTUPAN AKAUN KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN KEWANGAN 2024**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 2 Tahun 2021, adalah menjadi tanggungjawab pemegang panjar untuk menjana dan mengesahkan Sijil Perakuan Panjar bagi tujuan penutupan akhir tahun. Surat arahan JANM.BPOPA.600-2/2/6(11) bertarikh 25 September 2024 juga telah menetapkan bahawa pemegang panjar perlu menjana dan mencetak Sijil Perakuan PWR pada 31 Disember 2024 melalui Portal iGFMAS dan sebarang transaksi panjar bagi tahun kewangan baharu hanya boleh dibuat setelah Sijil Perakuan PWR pada 31 Disember 2024 dicetak.

3. Sehubungan itu, semua pemegang PWR dikehendaki mengemukakan **dua (2) salinan asal** laporan-laporan berikut kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Johor selewat-lewatnya pada **06 Januari 2025 (Isnin)**:

- i. Laporan Buku Wang Runcit sehingga 31 Disember 2024;
- ii. Sijil Perakuan Panjar Wang Runcit Pada 31 Disember 2024;
- iii. Lampiran I: Senarai Reкупmen Yang Diminta Tetapi Belum Dijelaskan Pada 31 Disember 2024;
- iv. Lampiran II: Senarai Baucar Kecil Yang Belum Dibuat Reкупmen Pada 31 Disember 2024.

Ruj.Kami : JANM.JHR.600-1/8/1 Jld. ()

4. Bersama-sama ini disertakan Tatacara Penyediaan Buku Wang Runcit dan Tatacara Penyediaan Sijil Perakuan Panjar seperti di **Lampiran 1** bagi tujuan rujukan YBhg. Dato/Datin/Tuan/Puan. Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan pegawai Unit Akaun seperti berikut:

- | | | |
|------|-------------------------------------|--------------------------------|
| i. | Pn Kalsum Binti Aswadi | No. Tel : 07-2249244 samb 1157 |
| ii. | Pn Azimah Binti Hamzah | No. Tel : 07-2249244 samb 1152 |
| iii. | Pn Intan Baizura Binti Megat Hussin | No. Tel : 07-2249244 samb 1021 |

5. Perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg. Dato/Datin/Tuan/Puan dalam mematuhi tarikh yang ditetapkan amatlah dihargai bagi memastikan Penutupan Akaun Kerajaan Persekutuan Tahun 2024 berjalan lancar dan teratur.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,



(RAHMAD JULKIFLI BIN MOHD ALI CIPFA(UK),C.A(M),CPA(Aust))

Pengarah Negeri

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Johor